

Arahan bekerja dari rumah di kawasan PKPB

Majikan tak boleh paksa ambil cuti tahun

Kakitangan bekerja dari rumah perlu dibayar gaji penuh

Oleh Suzalina Halid, Ilah Hafiz Aziz dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Majikan tidak boleh memaksa dan mengarahkan pekerja menggunakan cuti tahunan atau mengambil cuti tanpa gaji berikutan arahan bekerja dari rumah (BDR) yang berkuat kuasa, semalam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata majikan juga diingatkan bahawa

bayaran gaji penuh kepada pekerja terbabit adalah seperti biasa walaupun arahan bekerja dari rumah.

Beliau menegaskan perkara itu adalah selaras dengan perintah dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu.

"Namun begitu, majikan boleh berbincang dengan pekerja dalam apa juga tindakan dan keputusan diambil demi kepentingan bersama," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sebarang maklumat lanjut, boleh menghubungi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) di talian 03-88862352, 03-88862409 atau 03-88889111.

Selasa lalu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata pekerja di peringkat pengurusan dan pengawasan dalam sektor awam dan swasta di Kuala Lumpur, Putra-

jaya, Labuan, Selangor dan Sabah diarah bekerja dari rumah berkuat kuasa 22 Oktober untuk mengurangkan pergerakan pekerja bagi mengekang penularan COVID-19.

Sementara itu, dalam sidang media hariannya semalam, Ismail Sabri menjelaskan bahawa arahan bekerja dari rumah (BDR) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bertujuan mengurangkan pergerakan dan interaksi antara pekerja di pejabat.

Beliau berkata, ia penting untuk memutuskan rantaian COVID-19 atau mengurangkan risiko penularan wabak itu.

Beliau bagaimanapun, berkata tidak semua pekerja boleh mengaplikasikan BDR kerana kehadiran mereka diperlukan di lapangan bagi memastikan perkhidmatan atau sektor ekonomi terus berjalan.

"Ideanya adalah untuk mengurangkan pergerakan, bayangkan



Majikan boleh berbincang dengan pekerja dalam apa juga tindakan dan keputusan diambil demi kepentingan bersama.

M Saravanan,
Menteri Sumber Manusia

jika sejuta yang boleh BDR tanpa perlu ke pejabat maksudnya kita sudah mengurangkan banyak pergerakan dan interaksi.

"Namun kita tidak boleh paksa semua BDR walaupun kita nak kurangkan pergerakan kerana ada yang diperlukan di pejabat.

"Begitu juga di restoran dan kompleks beli-belah mereka tak boleh BDR," katanya kepada soa-

lan mengenai tindakan BDR dikuatkuasakan walaupun ketika PKPB rakyat masih boleh keluar seperti pergi ke pasar.

Katanya, meskipun sektor ekonomi dibuka termasuk kompleks beli-belah, ia tertakluk kepada individu itu sendiri untuk melakukan kawalan sendiri dengan dengan memikirkan tahap kesihatan masing-masing.